

**KENYATAAN MEDIA****SALAH TANGGAPAN TERHADAP SUBSIDI UNTUK INDUSTRI GULA TEMPATAN**

KUALA LUMPUR, MEI 16, 2023 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) merujuk kepada berita terkini yang diterbitkan Berita Harian secara dalam talian bertajuk “Bekas menteri cadang subsidi bersasar untuk gula pasir” dan “Kewajaran henti subsidi pukal gula akan dibincangkan”.

MSM ingin memberikan penjelasan lanjut mengenai isu yang dibangkitkan. Industri gula tempatan **tidak lagi menerima subsidi** daripada kerajaan **sejak 2013** dan beroperasi dalam industri terkawal yang ditadbir oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di bawah “Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961” dan dinyatakan dalam Jadual 1 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974”. Harga runcit gula di Malaysia kekal sebagai antara yang termurah di dunia, seperti yang diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Penentuan Harga Maksimum – No. 2, Perintah 2017).

Walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar dengan kos operasi yang tinggi, industri gula tempatan memerlukan campur tangan segera kerajaan dengan cara menaikkan harga atau atas dasar harga terapung. Sebagai pengeluar makanan penting, syarikat penapis gula tempatan memastikan keterjaminan makanan manakala import bukan pilihan yang mampan dan kuota eksport yang terhad dari negara pengeluar, terutamanya India, yang mungkin dihentikan untuk melindungi keperluan domestik.

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD**-TAMAT-**